

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99**

**OGOS/SEPTEMBER 1998**

**RPK 351 - Ekonomi Bandar dan Wilayah**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan: Jawab **SEMUA** soalan daripada **BAHAGIAN A (WAJIB)** dan pilih **SATU** soalan daripada **BAHAGIAN B**.

**BAHAGIAN A (WAJIB)**

1. Ada pendapat yang menyatakan bahawa firma/industri yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan pengurusan yang cekap **TIDAK PERLU** berkelompok dengan industri/firma lain untuk menikmati faedah dalaman dan luaran industri.

Jelaskan pendapat anda sama ada bersetuju atau tidak dengan saranan tersebut.

(100 markah)

2. Corak gunatanah bandar dipengaruhi sebahagian besarnya oleh sewa tapak. Dengan menggunakan model gunatanah perumahan, terangkan bagaimana sewa tapak dan kos pengangkutan menentukan jenis perumahan yang terdapat di kawasan pusat bandar dan pinggir bandar.

(100 markah)

3. (a) Terangkan Model Input dan Output berikut:-

$$(I - A) X = D$$

- (b) Huraikan kelemahan Model Input dan Output.
- (c) Jelaskan **TIGA** kegunaan Model Input dan Output dalam Ekonomi Bandar dan Wilayah.

(100 markah)

**BAHAGIAN B: (Pilih SATU sahaja)**

4. Jelaskan keberkesanan Teori Asas Ekspot dalam menerangkan pertumbuhan sesebuah wilayah.  
(100 markah)
5. Firma/industri dan isirumah mempunyai kriteria pemilihan lokasi di bandar yang berbeza.  
Jelaskan perbezaan (perbezaan) UTAMA kriteria pemilihan tersebut. Sertakan contoh (contoh) yang berkaitan.  
(100 markah)
6. Kemiskinan bandar merupakan satu masalah yang sering dikaitkan dengan kewujudan sektor informal di negara-negara sedang membangun. Berikan pendapat anda sama ada sektor informal perlu digalakkan, dengan membincangkan implikasi terhadap aspek-aspek berikut:-
  - (a) Migrasi luar bandar ke bandar.
  - (b) Pengurusan bandar (penyediaan infrastruktur, pencemaran alam sekitar, hasilan cukai dsbnya).
  - (c) Kewujudan setinggan.  
(100 markah)
7. “Urbanisasi, industrialisasi dan pembangunan bandar dan wilayah saling berhubungkait”. Sejauh manakah proses urbanisasi di Semenanjung Malaysia mencerminkan pernyataan itu?  
(100 markah)

-ooo00ooo-